

PERBANDINGAN BEBERAPA CIRI CEMPAN PERMUKAAN
DASAR DI PESISIRAN PANTAI ARU HINGGA TG DUMPLI
SABAH DAN MARANG, TERENGGANU

BIANUS BIN MUYOU

FAKULTI SAINS GUNAAN DAN TEKNOLOGI
UNIVERSITI KOLEJ
(UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA)
TERENGGANU
1997

PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Tuhan yang Mahakuasa, *Jesus Christ* kerana dengan kasih-Nya yang tidak berkesudahan, saya telah dapat menyiapkan projek tahun akhir ini seterusnya menamatkan pengajian.

Teristimewa buat ayah yang sentiasa memberi dorongan dan semangat, ibu yang sentiasa memberi nasihat dan doa, serta keluarga tersayang yang sentiasa memberi bantuan sehingga hari ini, *terima kasih* semoga Tuhan memberi rahmat-Nya. Tanpa semuanya, pasti sukar bagi saya untuk menghadapi cabaran dalam hidup ini.

Di sini, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada En. Rosnan Bin Yaacob selaku penyelia projek ini atas bimbingan beliau sepanjang tempoh menyiapkan projek ini. Juga Dr. Mohd. Lokman Bin Hussain atas kesudian memberi peluang menggunakan peralatan makmal. Khusus buat Dr. Khalid Bin Samo yang telah terlibat secara langsung menjayakan projek ini di Sabah, terima kasih atas dorongan dan semangat yang diberikan. En. Ronnie Busing (Jabatan Perikanan Sabah), terima kasih kerana sudi meminjamkan peralatan bagi kegunaan projek ini di Sabah.

Tidak lupa juga kepada beberapa individu yang telah terlibat secara langsung dalam pelaksanaan projek ini, Mohd. Marzuki Bin Ibrahim, Burhanuddin Bin Ahmad, kakitangan UNIPERTAMA III, En. Harith Bin Mohd. Rapi, En. Shahbuddin Bin Saad, Rahayu Rajali serta kakitangan makmal dan perpustakaan yang telah membantu dalam penyediaan

penyediaan peralatan dan bahan rujukan. Segala jasa anda akan tetap dikenang. Juga kepada Man, Pyan, Mas, Sup, Man, Maurice, Siang, Jaws, Ijan dan rakan-rakan seperjuangan lain yang telah bersama sepanjang empat tahun pengajian, terima kasih atas segalanya, anda semua pasti akan sentiasa diingati. Dan akhirnya, teristimewa untuk seorang “kawan rapat” yang telah menjadi inspirasi, sesungguhnya anda sentiasa dalam ingatan ini.

Akhir kata, saya ingin memohon jutaan maaf kiranya ada tersilap dan terkasar bahasa sepanjang bersama kalian. Semoga kita berjaya mencapai kejayaan dalam setiap bidang yang diceburi. Sekian.

Bianus Muyou

35918 - Bachelor Sains (Sains Samudera)

ABSTRAK

Kajian perbandingan ini melibatkan dua lokasi iaitu pesisiran pantai antara Tg. Aru hingga Tg. Dumpil, Sabah dan pesisiran pantai Marang, Terenggamu yang masing-masing terletak berhampiran bandar besar dan dipengaruhi oleh sungai. Sebanyak 29 sampel enapan dari Tg. Aru - Tg. Dumpil dan 32 sampel lagi dari Marang telah dikutip pada Ogos 1996. Enapan di Tg. Aru - Tg. Dumpil terdiri daripada kelodak ke pasir yang kebanyakannya berwarna kuning kekelabuan gelap dengan min diameter antara 0.43 phi hingga 7.11 phi . Penyisihan umumnya adalah tidak sempurna. Julat nilai kepencongkan adalah dari -0.84 hingga 0.46. Kebanyakan bentuk butiran enapannya adalah sangat memanjang. Bagi enapan di Marang, sebahagian besar enapannya terdiri daripada pasir dan sedikit kelodak serta lom berkelodak berwarna kekuningan. Min diameter adalah ber julat dari -0.53 phi hingga 5.99 phi manakala sisihan terdiri dari kelas tidak sempurna hingga hampir sempurna. Kepencongannya pula ber julat dari -0.91 hingga 0.91. Bentuk butiran enapan di sini kebanyakannya adalah sangat bulat. Keputusan yang diperolehi menunjukkan umumnya enapan permukaan dasar di Tg. Aru - Tg. Dumpil adalah lebih halus. Sementara itu, didapati enapan di stesen berdekatan muara terdiri daripada enapan yang lebih halus terutamanya jenis kelodak.

ABSTRACT

This study involves comparing sediment characteristic from two locations, namely the coastal area covering Tg. Aru until Tg. Dumpil, Sabah and Marang, Terengganu. Both areas are situated close to a major town and river influence. A total of 29 and 32 sediment samples were collected from Tg. Aru - Tg. Dumpil and Marang respectively in August 1996. Sediment from Tg. Aru - Tg. Dumpil ranged from silt to sand and were mostly greyish yellow dark in colour with mean diameters from 0.43 phi to 7.11 phi. In general, the sediment were poorly sorted. The skewness value ranged from -0.84 to 0.46 and most grain-size sediment were found to be very elongated. Sediment from Marang ranged from sand to loam and were yellowish in colour. Mean diameter ranged from -0.53 phi to 5.99 phi and were poorly to moderately well sorted. Skewness value ranged from -0.91 to 0.91 with prevalence of very equant grain-size sediment. The results obtained give a general view that surface sediment at Tg. Aru - Tg. Dumpil were finer. It was also showed that sediment samples close to estuary consisted of finer sediment from silt type.